



**Azharizan Mohamad Norizan dan Mohd Izwan Ramlan,**  
Pegawai Penyelidik, Cawangan Pengurusan Hutan,  
Program Hutan Asli, Bahagian Perhutanan dan  
Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

## Keperluan Penilaian Impak Alam Sekitar dan Sosial dalam Aktiviti Pengusahaan di Malaysia

Hutan merupakan khazanah dunia yang amat bernilai. Hutan telah membekalkan pelbagai sumber seperti kayu-kayan dan ubat-ubatan. Malaysia terkenal dengan keindahan alam semula jadinya yang sentiasa menjadi daya penarik kepada pelancong asing. Walaupun hutan telah membantu negara mempelbagaikan sumber ekonominya, namun begitu sejak akhir-akhir ini, hutan menghadapi ancaman kemusnahan daripada pihak yang tamak dan hanya mementingkan kekayaan semata-mata.

Aktiviti pengusahaan, terutamanya pembalakan telah memberikan impak yang ketara kepada hutan simpan negara. Oleh itu, sebelum aktiviti pengusahaan dilakukan di hutan simpanan kekal, kajian seperti Penilaian Impak Alam Sekitar dan Penilaian Impak Sosial perlu dilakukan terhadap suatu konsesi yang telah dianugerahkan kepada pemegang lesen konsesi oleh Jabatan Perhutanan Negeri. Penilaian Impak Alam Sekitar dan Penilaian Impak Sosial merupakan suatu ketetapan yang menghendaki aktiviti perhutanan,

terutamanya pengusahaan kayu balak mematuhi Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Akta 217).

Menurut United Nations Environment Programme (1979), Penilaian Impak Alam Sekitar merupakan kajian bagi mengenal pasti, meramal dan menghuraikan kebaikan serta keburukan sesuatu cadangan projek pengusahaan yang menuntut keperluan adanya hubungan komunikasi antara pihak yang terlibat, iaitu masyarakat setempat, pemegang konsesi dan pihak berkuasa.

Penilaian Impak Sosial pula merujuk kajian penilaian kesan termasuklah analisis, pemantauan dan pengurusan impak sosial yang dijangka berlaku atau tidak dijangka ke atas sesuatu langkah campur tangan (dasar, program, pelan, dan projek). Hal ini termasuklah impak positif atau negatif dan kesannya terhadap kebergantungan penduduk setempat kepada hutan simpan itu sendiri.

Selain itu, berdasarkan PLANMalaysia yang merujuk Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) (Pindaan) 2017 (Akta A1522); SIA Kategori 1: Subseksyen

20B (1) dan (2) Akta 172 dan SIA Kategori 2: Subseksyen 22 (2A) Akta 172 telah termaktub objektif asas Penilaian Impak Sosial adalah untuk menggalakkan persekitaran semula jadi dan manusia yang mampan dan saksama.


Dalam mengambil tindakan yang signifikan sebelum aktiviti perhutanan seperti pembalakan dilakukan, Penilaian Impak Alam Sekitar juga perlu dibuat untuk menilai kesan sosial. Sebagai contohnya, mengenal pasti tindakan yang boleh memberikan kesan terhadap penduduk setempat ataupun yang berhampiran dengan hutan dan memikirkan langkah pencegahan yang perlu dilakukan jika terjadi sesuatu terhadap kehidupan penduduk. Hal ini penting untuk mengurangkan kesan sampingan hasil daripada aktiviti pembalakan tersebut.

Tujuan penyediaan Penilaian Impak Alam Sekitar dan Penilaian Impak Sosial yang disyaratkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri adalah untuk menentukan langkah yang dapat diambil bagi mengurangkan impak negatif terhadap pengusahasilan daripada aktiviti pembalakan. Aktiviti pengusahasilan, misalnya pembinaan infrastruktur dalam kawasan hutan simpanan kekal, pengubahan penggunaan tanah dan pengeluaran hasil hutan seperti kayu balak memberikan impak negatif terhadap alam sekitar dan kehidupan manusia.

Antara aktiviti perhutanan yang memerlukan pelaksanaan Penilaian Impak Alam Sekitar dan Penilaian Impak Sosial adalah seperti pengubahan hutan bukit meliputi 50 hektar atau lebih, pembalakan mengubah kawasan tadahan untuk kegunaan lain dan pembalakan melebihi 500 hektar atau lebih.

Proses penyediaan Penilaian Impak Alam Sekitar secara umumnya terdiri daripada empat langkah, iaitu:

- Penentuan saiz projek dan taksiran risiko.
- Penilaian aktiviti projek, opsyen dan ramalan impak.
- Penentuan langkah untuk mengurangkan impak (mengatasi impak sebelum pelaksanaan projek).
- Pemantauan selepas pelaksanaan projek bagi menilai dan membuat perbandingan antara impak jangkaan dengan impak yang sebenarnya berlaku.



## FRIM PELESTARIAN HUTAN

Seterusnya, beberapa kriteria penentuan kesan kepada alam sekitar yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah seperti yang berikut:

### a) Keterbalikan

Memastikan langkah pengurangan dapat dilaksanakan dalam memulihkan keadaan asalnya atau menjadi lebih baik.

### b) Magnitud

Tahap dan skala kesan sama ada bermanfaat atau merugikan atau terhadap reseptor sensitif bagi aktiviti yang dicadangkan.

### c) Kesan Kumulatif

Kesan kumulatif atau sebaliknya berkemungkinan memudaratkan atau bermanfaat dalam jangka masa tertentu.

### d) Kekal

Kesan alam sekitar perlu dikaji sama ada bersifat sementara (semasa aktiviti kerja atau peringkat pembinaan) atau boleh mengakibatkan kesan kekal (perubahan bentuk tanah akibat pemotongan dan pengisian).

Sementara itu, Penilaian Impak Sosial pula dilaksanakan supaya tidak memberi impak negatif terhadap lima perkara ini:

### a) Bekalan dan Kualiti Air

Melaksanakan perundingan prapengusahasilan dengan komuniti untuk mengenal pasti punca air bukit serta menjamin bekalan dan kualiti air tempatan tidak terjejas dan memastikan langkah Penilaian Impak Alam Sekitar dilaksanakan dengan berkesan khususnya berhubung dengan sumber dan punca air.

### b) Ekonomi Tempatan

Memastikan semua langkah memulihara dan melindungi sumber hutan dipatuhi selaras dengan kehendak Pembalakan Kurang Impak, Penilaian Impak Alam Sekitar dan Pengurusan Persijilan Hutan. Penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap akses tanpa izin ke hutan simpanan kekal juga dilakukan.

Pengurus Unit Pengurusan Hutan perlu menggalakkan komuniti tempatan diberikan peluang pekerjaan. Kawasan hutan yang dikenal pasti mempunyai ciri-ciri nilai pemuliharaan tinggi, nilai estetik dan pelancongan tidak boleh dibalok dan zon penamparan yang sesuai perlu diwujudkan.

Agensi berkaitan dengan kerjasama pengurusan Unit Pengurusan Hutan perlu memastikan akses untuk perkhidmatan luar (seperti perubatan dan pertanian) mencukupi dan kekal demi memberi manfaat kepada komuniti orang asli.

### c) Kehidupan Sosiobudaya

Memastikan semua langkah memulihara dan melindungi sumber hutan dipatuhi selaras dengan kehendak Pembalakan Kurang Impak, Penilaian Impak Alam Sekitar dan Pengurusan Persijilan Hutan. Pengurus Unit Pengurusan Hutan perlu menjalankan Penilaian Impak Sosial dengan membuat kajian yang melibatkan sekurang-kurangnya 10 orang responden bagi menyediakan laporan Penilaian Impak Sosial yang relevan.

### d) Tapak Bersejarah dan Budaya

Pengurus Unit Pengurusan Hutan perlu berunding dengan komuniti berkenaan untuk mengenal pasti dan melindungi tapak yang mempunyai nilai budaya, sejarah dan arkeologi yang penting selaras dengan kehendak Pengurusan Persijilan Hutan.

### e) Keselamatan dan Kesihatan

Pengurus Unit Pengurusan Hutan perlu bekerjasama dengan pemegang lesen konsesi. Dalam perkara ini, kontraktor pembalakan Jabatan Kemajuan Orang Asli, Jabatan Kesihatan dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung perlu bekerjasama untuk mengurangkan impak operasi hutan terhadap kesihatan komuniti. Antara langkah yang diambil ialah melindungi kualiti air daripada penyakit bawaan air dan mengurangkan pencemaran debu yang boleh mengakibatkan batuk dan penyakit mata.

Untuk melindungi komuniti daripada penyakit berjangkit yang dibawa oleh pekerja hutan, pengurus Unit Pengurusan Hutan dan pemegang lesen konsesi perlu memastikan ancaman sedemikian

dikurangkan. Pengurus Unit Pengurusan Hutan juga perlu bekerjasama dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia untuk memantau hidupan liar dalam hutan simpanan kekal agar sebarang gangguan terhadap komuniti dapat dikurangkan.

Selain itu, pengurus Unit Pengurusan Hutan juga perlu memantau keadaan jalan hutan melalui penyelenggaraan yang teratur dengan kerjasama pelesen bagi mengelakkan kerosakan jalan yang boleh membahayakan penduduk. Pemantauan ini termasuklah pemantauan kepatuhan dan pemantauan impak. Oleh sebab impak sosial serta impak persekitaran pengusahasilan hutan atau penukaran hutan pada keseluruhannya hanya akan

menjadi ketara selepas jangka masa yang panjang, maka pemantauan kepatuhan langkah mitigasi adalah penting dan perlu diberi keutamaan.

Dalam memantau kepatuhan tindakan mitigasi, kaedah penyemakan kepatuhan yang mudah dan praktikal dari segi ekonomi harus digunakan. Pemantauan impak pula perlu diteliti bagi setiap kemungkinan impak negatif yang telah dikenal pasti hasil daripada aktiviti pengusahasilan hutan. Amalan pengurusan hutan sedia ada yang diamalkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri perlu diteruskan bagi memastikan kelestarian hutan negara. Diharapkan dengan pelaksanaan penambahbaikan ini akan dapat meningkatkan lagi kelestarian hutan di negara ini. 